

26/03/2003

Lapan negara serantau bantah serangan Amerika

KUALA LUMPUR: Singapura dan Filipina sejak mesyuarat tidak rasmi Menteri-

Menteri Luar Asean di Sabah, minggu lalu, sudah menunjukkan sokongan terhadap tindakan uniliteral Amerika Syarikat menyerang Iraq.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pada mesyuarat itu lapan negara Asean lain termasuk Malaysia tidak bersetuju dengan rancangan

Amerika menggunakan tindakan ketenteraan secara bersendirian dalam menangani isu Iraq.

"Walaupun nampak ia sesuatu yang tidak patut dilakukan (kerana bersetuju dengan Amerika) tetapi itu adalah hak negara berkenaan yang tidak boleh dipertikaikan," katanya pada sesi penggulungan Kementerian Luar di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan Ahli Parlimen Tebrau, Datuk Mohd Ali Hassan (BN) mengenai tindakan yang boleh diambil kerajaan berikutan sokongan Singapura terhadap langkah uniliteral Amerika di Iraq.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan tindakan republik itu yang membuat pendirian menyokong pencabulan kedaulatan terhadap Iraq.

Sebelum itu, Menteri Pertahanan Singapura, Tony Tan dipetik sebagai berkata risiko republik itu diserang penganas semakin meningkat ekoran pencerobohan ke atas Iraq oleh Amerika berikutan sokongan Singapura.

Kerajaan Singapura kini mempertingkatkan lagi kawalan keselamatan di negaranya bagi menghalang sebarang kemungkinan serangan penganas di semua

premis dan kepentingan Amerika di republik itu.

Syed Hamid berkata, Malaysia tetap dengan pendiriannya menentang keganasan seperti usul yang dibentangkan Perdana Menteri di Parlimen, kelmarin.